



KERAJAAN MALAYSIA

AKAUN AMANAH DISATUKAN

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN

PPK 4

DIS 2004

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN

AKAUN AMANAH DISATUKAN

PPK 4

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PPK 4

Akaun Amanah Disatukan

Dikeluarkan oleh:

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 1-8, Lot 2G1A, Presint 2
Kompleks Kementerian Kewangan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P Putrajaya

Tel : 03-88821000
Faks : 03-88895821

E-mel : janm@anm.gov.my
Laman web: www.anm.gov.my

Kandungan

<i>Isi Kandungan</i>	<i>Perenggan</i>
TUJUAN	1
SKOP	2
LATAR BELAKANG	3
DEFINISI AKAUN AMANAH DISATUKAN	4
KLASIFIKASI AKAUN AMANAH DISATUKAN	5
DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN	6
PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN	7
TARIKH KUAT KUASA	8

1. TUJUAN

Pernyataan ini adalah bertujuan untuk menetapkan piawaian perakaunan Akaun Amanah Disatukan mengikut kehendak Perlembagaan Persekutuan dan Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak – 1972).

2. SKOP

Pernyataan ini hendaklah digunakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang menguruskan Akaun Amanah Disatukan di mana akaun ini setelah diaudit oleh Ketua Audit Negara perlu dibentang di Parlimen bagi Kerajaan Persekutuan dan Dewan Undangan Negeri bagi Kerajaan-kerajaan Negeri.

3. LATAR BELAKANG

3.1 Pernyataan Akaun Amanah Disatukan adalah:

3.1.1 sebagai satu garis panduan bagi menyeragamkan amalan perakaunan yang merangkumi definisi, pewujudan, klasifikasi, prosedur perakaunan dan persembahan dalam penyata kewangan kerajaan.

3.1.2 berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak – 1972) dan dilaksanakan mengikut Arahan Perbendaharaan dan aturan dan peraturan kewangan lain yang berkuat kuasa.

3.1.3 mengikut akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah, undang-undang atau perjanjian.

3.2 Mana-mana perenggan di dalam piawaian ini yang merujuk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah juga dirujuk kepada peruntukan Perlembagaan Negeri yang berkaitan mengikut mana yang berkenaan melainkan dinyatakan secara khusus.

4. AKAUN AMANAH DISATUKAN

4.1 Definisi

Akaun Amanah Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulanwang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran wang amanah

diakaunkan mengikut kehendak akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah, undang-undang atau perjanjian.

4.2 **Penubuhan**

Akaun Amanah Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 (c) Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak – 1972).

5. **KLASIFIKASI AKAUN AMANAH DISATUKAN**

5.1 Akaun Amanah Disatukan diklasifikasikan seperti berikut:

5.1.1 **Kumpulanwang Amanah Kerajaan**

Kumpulanwang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak - 1972). Ianya disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Ketiga Akta Prosedur Kewangan 1957 (disemak 1972). Kumpulanwang Amanah Kerajaan terdiri daripada:

(a) **Kumpulanwang Pembangunan**

Kumpulanwang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan pembayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966. Terimaan bagi Kumpulanwang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, caruman dari Akaun Hasil Disatukan, terimaan balik pinjaman dan terimaan pelbagai untuk pembangunan.

(b) **Kumpulanwang Pinjaman Perumahan**

Kumpulanwang Pinjaman Perumahan mengakaunkan terimaan dan bayaran berkaitan dengan kemudahan pinjaman perumahan kepada mereka yang layak seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971.

(c) **Kumpulanwang Amanah Pencen**

Kumpulanwang Amanah Pencen mengakaunkan terimaan, bayaran dan pelaburan mengikut Akta Kumpulanwang Amanah Pencen 1991, Akta 454.

(d) **Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan**

Kumpulanwang Amanah ini yang ditubuhkan untuk sesuatu tujuan tertentu selain daripada yang dinyatakan pada perenggan 5.1.1 (a), (b) dan (c). Kumpulanwang ini mengakaunkan terimaan, bayaran dan pelarasan yang berkaitan dengan akaun-akaun amanah yang berkenaan.

5.1.2 Kumpulanwang Amanah Awam

Kumpulanwang Amanah Awam mengakaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak - 1972) atau akta khas. Kumpulanwang Amanah Awam terdiri daripada:

(a) **Amanah Khas**

Amanah Khas diwujudkan mengikut aktanya sendiri.

(b) **Amanah Am**

Amanah Am diwujudkan mengikut Seksyen 9, Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak - 1972).

5.1.3 Akaun Deposit

Akaun Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau perjanjian. Deposit hendaklah dikembalikan melalui bayaran balik atau pelarasan apabila maksud tersebut telah selesai.

6. DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN

6.1 Perakaunan Amanah

Terimaan dan bayaran wang amanah diakaunkan mengikut asas tunai kecuali perbelanjaan Kumpulanwang Pembangunan diperakaunkan secara tunai ubahsuai.

6.2 Kuasa Membayar

Pengeluaran boleh dibuat dari Akaun Amanah Disatukan mengikut Seksyen 13 (5) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak – 1972).

6.3 Kawalan Pembayaran

Akaun Amanah tidak boleh terlebih dikeluarkan.

6.4 Pengendalian Akaun Akhir Tahun

Baki bersih dalam setiap Kumpulanwang Amanah Kerajaan, Kumpulanwang Amanah Awam dan Akaun Deposit pada akhir tahun kewangan akan dibawa ke hadapan ke akaun tahun kewangan baru.

7. PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN

Persembahan dalam Penyata Kewangan Tahunan hendaklah mengikut kehendak Seksyen 16 (1) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) dan Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan – PPK 2.

7.1 Lembaran Imbangan

Akaun Amanah Disatukan ditunjukkan sebagai satu item yang berasingan dalam Lembaran Imbangan. Angka bandingan tahun sebelumnya juga perlu dinyatakan.

7.2 Format

Format Penyata Akaun Amanah Disatukan adalah seperti di Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan – PPK 2.

8. TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa piawaian ini bermula dengan tahun kewangan 2006.